

Benci jadi cinta

■ Raifana tidak duga usikan Tengku Ahmad Tajuddin bawa mereka ke jenjang pelamin



Oleh Rodly Fadly
sukan@hmetro.com.my

Di sebalik kecederaan dialami Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil, ditambah pula berita pengguguran daripada skuad hoki kebangsaan, Siti Raifana Roslan tetap positif dan menganggap apa berlaku ke atas suaminya itu ada hikmah tersembunyi.

Walaupun terpaksa melupakan hoki selama dua bulan akibat kecederaan bahu semasa perlawanan akhir Piala TNB antara Terengganu Hockey Team (THT) menghadapi Kuala Lumpur Hockey Club (KLHC) bulan lalu, waktu terluang ini dianggap sangat berharga bagi pasangan suami isteri ini.

Berikutnya pengumuman ketua jurulatih skuad hoki kebangsaan Stephen van Huizen yang mengumumkan Tajuddin antara pemain senior digugurkan juga memberi ruang untuk mereka menikmati kehidupan berumahtangga yang selama ini sering dibatasi kesibukan masing-masing.

"Memang Jidin (panggilan mesra untuk Tengku Ahmad Tajuddin) agak kecewa dengan apa yang berlaku namun dia menerimanya secara positif. Malah, Jidin yang saya kenali bukan seorang yang mudah berputus asa dan sentiasa bersemangat."

"Sebagai isteri, saya akan sentiasa memberinya sokongan. Saya yakin, selepas pulih daripada kecederaan, dia akan bermain seperti biasa dan berusaha untuk merebut semula tempat dalam skuad kebangsaan."

"Pada saya, kecederaan dan pengguguran Jidin daripada skuad kebangsaan itu bagaikan satu hikmah. Sekurang-kurangnya, kea-

daan ini memberi kesempatan kepada kami untuk menghabiskan lebih banyak masa bersama berbanding sebelum ini. Ia bagaikan menebus semula masa lalu kami yang terpaksa kami korbankan demi karier Jidin dan pelajaran saya," kata Raifana.

Menurut Raifana, walaupun usia perkahwinannya dengan Tajuddin sudah lebih setahun, mereka jarang dapat bersama kerana sibuk dengan tanggungjawab masing-masing.

"Selepas berkahwin pada 21 Jun 2014, saya menyambung semula pengajian di USM (Universiti Sains Malaysia) dan tinggal bersama keluarga di Permatang Pauh, Pulau Pinang. Jidin pula terbabit dalam beberapa kejohanan antarabangsa bersama skuad negara dan kelabnya dalam liga tempatan. Jadi, masanya banyak di Kuala Lumpur.

"Oleh itu, kami jarang bertemu dan lebih banyak

berkomunikasi melalui telefon untuk bertanya khabar masing-masing. Cuma, pada hujung minggu atau cuti umum, kami dapat bertemu, sama ada Jidin ke Pulau Pinang atau saya ke Kuala Lumpur.

"Walaupun sudah bergelar suami isteri tapi kami tidak dapat menjalani kehidupan berumah tangga seperti pasangan lain. Selalu kita dengar istilah cinta jarak jauh, tapi dalam kes kami boleh disebut sebagai rumah tangga jarak jauh," ujar Raifana.

Malah, menurut Raifana, ketika hamil anak sulung mereka, Tengku Adam Rayyan, dia terpaksa menguruskan dirinya sendiri. Untung juga dia tinggal bersama keluarga yang banyak membantu.

"Sehingga selepas saya melahirkan Rayyan, kami masih duduk berjauhan kerana ketika itu pengajian saya belum selesai. Hanya pada Ogos lalu saya

KEHADIRAN Rayyan kukuhkan ikatan perkahwinan Tajuddin-Raifana.



AKSI bertenaga Jidin di padang.

menamatkan pengajian dan berpindah ke Kuala Lumpur untuk bersama Jidin. Itupun dia kerap berada di luar kawasan kerana mewakili THT.

"Namun, saya tidak pernah merungut kerana faham keadaan Jidin yang sibuk dengan tugasannya untuk skuad negara atau kelab. Lagipun, bukan sehari dua saya mengenali dia, kami dah kenal sejak di bangku sekolah lagi. Jadi saya faham benar komitmen orang sukan macam Jidin," ujarnya.

Raifana berkata pembabitan dirinya sendiri dalam sukan bola jaring sejak di bangku sekolah sehingga mewakili negara dari 2005 hingga 2008, juga menyebabkan dia sangat memahami rutin hidup seorang ahli sukan. Oleh itu, dia boleh menerima status dirinya sebagai isteri jarak jauh.

"Kami berkenalan melalui sukan semasa sama-sama belajar di Sekolah Sukan Buktur Jalil (SSBJ). Dia main hoki dan saya bola jaring. Tapi, pada awalnya, saya langsung tidak tertarik dengan Jidin walaupun dia cuba-cuba 'himpit' saya.

"Sebaliknya saya kerap menyakat dan membulunya kerana dia lebih rendah daripada saya. Ketinggian saya 171sm semenara dia 163sm. Jadi saya panggil dia budak kecil. Pada masa itu walaupun kawan-kawan selalu mengusik dan memadankan dengan Jidin, saya tidak pandang dia walau sebelah mata.

"Saya tahu dia sukaan saya. Tapi saya pula hanya anggap dia sebagai kawan biasa. Pada saya, agak janggal seorang wanita yang tinggi macam saya mempunyai pasangan lebih rendah. Tapi, satu perkara yang saya suka dengan Jidin, walau macam mana saya menyakatnya, dia tidak pernah ambil hati," cerita Raifana.

Sementara itu Jidin yang mendengar cerita Raifana itu mencelah: "Masa itu budak-budak bola jaring mana pandang main hoki. Mereka lebih 'kejar' budak-budak bola. Mungkin budak-budak bola lebih glamor daripada hoki."

Tanpa menidakkannya suaminya itu, Raifana berkata, walaupun tidak berminat dengan Jidin, mereka menjadi semakin akrab. Meskipun selepas itu mereka masing-masing meninggal SSBJ untuk melanjutkan pelajaran tapi hubungan mereka tidak putus.

"Saya melanjutkan pelajaran ke (UiTM) Universiti Teknologi Mara manakala Jidin ke UPM (Universiti Putera Malaysia). Tapi, kami terus berhubung dan sesekali berjumpa. Agaknya memang sudah jodoh, budak yang selalu saya sakat dan buli itu akhirnya menjadi suami saya," kata Raifana.

Menurut Raifana, kedua ibu bapanya, Roslan Shuaib dan Rozita Md Nor banyak memberikan peranan mengubah perasaannya terhadap Jidin, daripada seorang kawan biasa kepada kekasih.

"Sebenarnya, kedua-dua ibu bapa saya yang beriya-iya sukakan Jidin. Puncanya, saya mengirimkan barang melalui Jidin untuk dihantar ke rumah di Permatang Pauh kerana ketutuhan dia mahu pulang ke kampungnya di Perlis. Daripada sifat emak dan ayah saya mengenali Jidin.

"Sejak itu, setiap kali bertemu saya, emak dan ayah asasnya itu tepat untuk dirinya. Jidin, seorang pemuda yang baik dan bersopan santun. Saya faham mereka cuba 'kenenkan' Jidin tapi saya buat tidak faham saja.

"Tapi, suatu hari, pada 2006, emak dan ayah tiba-

tiba mengajak saya ke KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur) untuk menjemput Jidin pulang dari Sukan Komanwel, Australia. Ia memang tidak ada dalam perancangan dan ayah sanggup memandu dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur semata-mata untuk menjemput Jidin.

"Dari Kuala Lumpur, ayah memandu pulang pada malam sama, membawa Jidin singgah di rumah kami sebelum dia pulang ke kampungnya di Perlis. Mereka ternyata sangat gembira menyambut Jidin pulang seolah-olah menyambut anak sendiri.

"Daripada situ saya lihat emak dan ayah benar-benar serius mahu menjodohkan saya dengan Jidin, jadi saya turutti kemahuan mereka. Apatah lagi saya sendiri sudah berasa semakin selesa berkawan dengan Jidin.

"Saya anggap memang Allah sudah tetapkan jodoh kami. Biar bagaimanapun kita cuba mengelak, akhirnya tetap bertemu jodoh. Benarlah kata orang, jangan membenci seorang, kelak ia menjadi jodoh kita," ujar Raifana.

Apapun, kata Raifana, ternyata lelaki pilihan ibu bapanya itu tepat untuk dirinya. Jidin, seorang suami yang penyabar, tenang dan kaya dengan kasih sayang. Kehadiran Rayyan yang kini berusia enam bulan mengukuhkan lagi ikatan perkahwinan mereka.



SAAT bahagia bergelar pengantin baru.



TAJUDDIN meraikan kejayaan THT menjuarai Liga Hoki Malaysia bersama anaknya, Rayyan.



RUANG waktu yang ada digunakan sepenuhnya untuk keluarga.